

# Cukai jalan kenderaan turun

Oleh Ahmad Ghazali Musa

**P**EKAN: Kadar cukai jalan pelbagai kenderaan bermotor turun, manakala duti eksais ke atas kenderaan penumpang dan motosikal, diselaraskan mulai esok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkannya di sini semalam berkata, langkah itu bagi mengurangkan beban rakyat.

Lapan kategori yang terbabit dalam penyelarasan dan penurunan cukai jalan itu ialah motokar persendirian milik individu; motokar persendirian milik syarikat; kenderaan milik individu atau syarikat selain motokar; motosikal;

BH- 31/12/2006

**“ Kerajaan sudah memikirkan secara teliti untuk melaksana penurunan kadar cukai jalan bagi meringankan beban rakyat ”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

teksti; kereta sewa; bas dan kenderaan perdagangan barangan.

Bercakap pada sidang media selepas Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2006 Parlimen Pekan di sini, Najib berkata, pengurangan cukai itu ditetapkan mengikut kapasiti enjin (cc) setiap kenderaan, manakala kenderaan perdagangan pula berdasarkan berat muatan (kilogram).

Beliau berkata, penurunan kadar cukai itu membabitkan perbezaan kadar cukai antara kenderaan menggunakan petrol dan diesel serta kadar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan kadar baru itu, kereta persendirian milik syarikat

1,000cc ke bawah (petrol dan diesel) mencatatkan penurunan RM10, kenderaan enjin petrol 3,001 hingga 500cc penurunan maksimum RM30, manakala bagi 3,001cc hingga 5,000cc kenderaan enjin diesel turun sehingga RM130.

Bagi kenderaan milik individu/syarikat selain motokar (enjin petrol dan diesel), penurunan bagi 1,000cc ke bawah sebanyak RM10, manakala bagi kenderaan 3,001cc hingga 5,000cc berenjin petrol turun sehingga RM25 dan bagi kenderaan berenjin diesel 3,000cc hingga 5,000cc mencatatkan penurunan sehingga RM237.

LIHAT MUKA 2



# Pengurangan hasil kerajaan RM250j setahun

## DARI MUKA 1

Bagi kenderaan perkhidmatan awam - teksi (petrol) 1,400cc hingga 5,000cc mencatatkan penurunan cukai antara RM22 hingga RM198. Teksi yang menggunakan diesel bagi 1400cc hingga 5,000cc mencatatkan penurunan antara RM66 hingga RM363.

Bagi kereta sewa (enjin petrol), kadar cukai jalan baru bagi 1,400cc ke bawah hingga 5,000cc turun antara RM22 hingga RM175, sementara yang menggunakan diesel, penurunan antara RM66 hingga RM363.

Bagi kenderaan perdagangan barangan (enjin petrol), kenderaan berat muatan bawah 1,000kg hingga 52,500 kilogram turun antara RM28 hingga RM118, sementara bagi enjin diesel, turun antara RM201 hingga RM486.

Mengenai penyelarasan duti eksais ke atas kenderaan penumpang dan motosikal, Najib berkata, kenderaan penumpang berkapasiti enjin melebihi 3,000 cc akan dikenakan kadar duti eksais yang sama dengan kenderaan berkapasiti enjin 2,500cc hingga 3,000cc.

"Motosikal berkapasiti enjin melebihi 200cc pula akan dikenakan kadar duti eksais sama dengan motosikal berkapasiti melebihi 150cc hingga 200cc," katanya.

Mengikut struktur duti eksais kenderaan penumpang, kenderaan jenis kereta yang melebihi 3,000cc turun kepada 105 peratus (kadar semasa 125), MPV/van yang melebihi 3,000cc (kadar semasa 125/kadar baru 105), 4WD melebihi 3,000cc (kadar semasa 125/kadar baru 105).

Bagi motosikal 200 hingga 250cc dan 250 hingga 500cc (35/30), motosikal 500cc hingga 800cc (40/30) dan motosikal 800cc ke atas (50/30).

Najib berkata, pelarasan cukai jalan itu akan menyebabkan pengurangan hasil kerajaan sebanyak kira-kira RM250 juta setahun.

## FAKTA

### Kadar cukai jalan motokar persendirian milik individu

BERENJIN PETROL	SEMENANJUNG		SABAH		SARAWAK	
	Semasa	Baru	Semasa	Baru	Semasa	Baru
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KAPASITI ENJIN (CC)						
1000 dan ke bawah	30.00	20.00	30.00	20.00	30.00	20.00
1001 - 1200	65.00 - 80.00	55.00	50.00 - 62.00	44.00	60.00 - 75.00	44.00
1201 - 1400	80.10 - 100.00	70.00	62.09 - 80.00	56.00	75.08 - 90.00	56.00
1401 - 1600	100.10 - 127.50	90.00	80.09 - 101.50	72.00	90.08 - 112.50	72.00
1601 - 1800	255.35 - 325.00	200.40 - 280.00	203.25 - 253.00	160.32 - 224.00	225.30 - 285.00	160.32 - 224.00
1801 - 2000	325.35 - 395.00	280.50 - 380.00	253.25 - 303.00	224.25 - 274.00	285.30 - 345.00	224.25 - 274.00
2001 - 2500	396.00 - 895.00	381.00 - 880.00	303.56 - 583.00	274.50 - 524.00	345.63 - 660.00	274.50 - 524.00
2501 - 3000	897.50 - 2,145.00	882.50 - 2,130.00	584.00 - 1,083.10	525.00 - 1,024.00	661.00 - 1,160.00	525.00 - 1,024.00
3001 - 5000	2,149.50 - 11,145.00	2,134.50 - 11,130.00	1,084.75 - 4,583.00	1,025.35 - 3,724.00	1,161.50 - 4,160.00	1,025.35 - 3,724.00

## FAKTA

### Kadar cukai jalan motokar persendirian milik individu

BERENJIN DIESEL	SEMENANJUNG		SABAH		SARAWAK	
	Semasa	Baru	Semasa	Baru	Semasa	Baru
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KAPASITI ENJIN (CC)						
1000 dan ke bawah	30.00	20.00	30.00	20.00	30.00	20.00
1001 - 1200	130.30 - 190.00	110.00	175.00 - 217.00	132.00	60.00 - 75.00	44.00
1201 - 1400	190.40 - 270.00	140.00	217.00 - 280.00	168.00	75.08 - 90.00	56.00
1401 - 1600	270.40 - 380.00	180.00	280.32 - 355.25	216.00	90.08 - 112.50	72.00
1601 - 1800	456.84 - 624.00	400.80 - 560.00	426.83 - 531.30	368.74 - 515.20	225.30 - 285.00	160.32 - 224.00
1801 - 2000	624.84 - 792.00	561.10 - 780.00	531.83 - 636.30	515.70 - 615.20	285.30 - 345.00	224.25 - 274.00
2001 - 2500	794.40 - 1,992.00	782.20 - 1,880.00	637.48 - 1,224.30	616.20 - 1,115.20	345.63 - 660.00	274.50 - 524.00
2501 - 3000	1,998.00 - 4,992.00	1,886.00 - 4,880.00	1,226.40 - 2,274.30	1,117.20 - 2,115.20	661.00 - 1,160.00	525.00 - 1,024.00
3001 - 5000	5,002.80 - 26,592.00	4,890.80 - 26,480.00	2,277.98 - 9,624.30	2,118.85 - 9,405.20	1,161.50 - 4,160.00	1,025.35 - 3,724.00